

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan dengan cadangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menghapuskan monopoli industri atau AP (Approved Permit) untuk beras, gula, produk farmaseutikal, makanan dan produk-produk penting lain untuk mengurangkan kos sara hidup.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada produk-produk yang dinamakan seperti gula dan produk farmaseutikal melibatkan Kementerian lain selain Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Merujuk kepada produk makanan, sebarang pertimbangan berkenaan pelaksanaan Kuota Import (AP) perlu mengambil kira pandangan yang menyeluruh dan komprehensif bagi memastikan tujuan dan hasrat pelaksanaan AP dapat dicapai seperti berikut:

(i) memastikan bekalan mencukupi untuk keluaran pertanian terpilih seperti berikut:

a. kelapa tua biji;

- b. kubis bulat;
- c. susu cair;
- d. keratan ayam; dan
- e. beras.

(ii) membendung berlakunya lambakan keluaran pertanian terpilih tersebut di pasaran yang boleh menjejaskan daya saing dan pendapatan petani tempatan.

3. Permohonan kuota import akan dinilai dari aspek kelayakan syarikat pemohon berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti kapasiti pengeluaran. Kapasiti dinilai contohnya melalui bilangan kelengkapan dan mesin pemproses yang beroperasi. Bagi kelapa tua biji, kubis bulat, susu cair dan keratan ayam, MAFI tidak menetapkan sebarang had untuk bilangan pemegang kuota import. MAFI sentiasa terbuka kepada permohonan AP daripada mana-mana syarikat yang menepati kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keputusan Kerajaan berkenaan pengimportan beras adalah dengan mempertimbangkan semua aspek secara menyeluruh khususnya bagi melindungi komoditi strategik ini sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Ini termasuk dengan mengambil kira keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan penularan pandemik COVID-19 di mana jaminan bekalan makanan negara perlu terus diberi keutamaan. Setakat ini, Kerajaan telah memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi pada setiap masa dan akan terus memastikan pengurusan industri yang lebih efisien dan berdaya saing serta memastikan bekalan beras negara sentiasa terjamin.

Sekian, terima kasih.